



Pasangan yang Mempunyai Kemahiran Tinggi Mahu Bekerja Semasa Tugas di Luar Negara

THE HAGUE, /PRNewswire-AsiaNet/ --

- Kaji selidik Global Menajamkan Fokus Terhadap Keperluan Pekerjaan Pasangan

Kekurangan dalam peluang pekerjaan untuk pasangan memberi kesan buruk terhadap mobiliti kakitangan antarabangsa yang mahir.

Untuk melihat Siaran Berita Multimedia, sila klik:

<http://multivu.prnewswire.com/mnr/prne/permitsfoundation/37563>

Ini merupakan penemuan utama satu kaji selidik di kalangan 3300 pasangan kakitangan ekspatriat yang berkemahiran tinggi ke atas tugas luar negara dengan 200 buah syarikat, kedutaan dan organisasi antarabangsa.

Permits Foundation, yang menjalankan kaji selidik ini di kalangan pasangan 120 kewarganegaraan yang berada di negara-negara di mana mereka bertugas, mengatakan bahawa memberikan permit kerja kepada pasangan akan membentuk 'kemenangan tiga kali ganda' untuk para majikan, keluarga dan negara-negara tuan rumah.

Hampir 60 peratus daripada pasangan mereka ini mengatakan bahawa mereka mungkin tidak mahu berpindah ke negara yang mana sukar untuk mendapatkan permit kerja. Sebaliknya pula, negara-negara yang membenarkan pasangan bekerja adalah destinasi yang menarik untuk 96% daripada responden.

Permits Foundation menyokong penambahbaikan dalam peraturan permit kerja untuk pasangan kakitangan ekspatriat di seluruh dunia. Ia mahu pasangan residen yang



sah memperoleh kebenaran terbuka untuk bekerja semasa satu-satu tugas. Yayasan ini telah menubuhkan rangkaian majikan di Indonesia, Jepun, Malaysia dan Rusia bagi mempertingkatkan perbincangan di negara-negara ini.

“Bukti baru ini menghantar satu tanda amaran yang penting kepada kerajaan yang mahu menarik perhatian bakat antarabangsa yang baik,” kata Gill Gordon, Pengerusi Permits Foundation dan Pengarah Eksekutif Gantirugi untuk Schlumberger. “Pasangan juga berpendidikan tinggi, dengan latar belakang professional yang pelbagai. Jika dibenarkan bekerja, mereka juga boleh menyumbang kepada ekonomi tempatan.”

Kaji selidik ini juga menyediakan satu pemikiran mengenai aspirasi pasangan dan kesan positif apabila mempunyai pekerjaan. Hampir 90% pasangan di dalam kaji selidik ini bekerja sebelum dihantar bertugas di luar negara. Angka ini menurun kepada 35% semasa dihantar bertugas. Tiga suku daripada mereka yang tidak bekerja mahu bekerja. Ini nampak ketara dalam kumpulan umur yang lebih muda, lelaki, para graduan dan pasangan yang tidak berkahwin. Kebanyakan pasangan yang bekerja berkata bahawa ini mempunyai impak yang positif ke atas penyesuaian terhadap lokasi tuan rumah dan kesediaan untuk menyempurnakan tugas tersebut.

“Ini merupakan kaji selidik skala besar pertama bagi melihat isu pekerjaan dan permit kerja daripada perspektif pasangan,” kata Siobhan Cummins, Pengarah Urusan Operasi ORC Eropah, Timur Tengah dan Afrika. “Mengakui keperluan pekerjaan pasangan akan mempertingkatkan mobiliti antarabangsa. Kaji selidik ini adalah tambahan sumber yang boleh diselidiki oleh para majikan apabila membentuk polisi bagi menyokong pasangan yang mempunyai dua kerjaya.”



Maklumat lanjut:

http://permitsfoundation.com/docs/permits_survey_summary.pdf

http://www.permitsfoundation.com/docs/permits_survey_final_report.pdf

SUMBER: Permits Foundation